

DATE: 16/10/2009

REAKSI

Ucapan Dasar Presiden

“Setiap ahli perlu berubah untuk menyambung kelangsungan dan masa depan parti serta rakyat”

**Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir**  
Menteri Besar Perak

“Presiden meminta pemimpin dan ahli Umno menjunjung tradisi dan menzahirkan perubahan serta membela rakyat”

**Datuk Ahmad Maslan**  
Ketua Penerangan

“Memberikan semangat dan suntikan baru serta perjuangan membela bangsa, agama dan tanah air”

**Datuk Seri Mohd Ali Rustam**  
Ketua Menteri Melaka

# PM sedar keperluan rakyat: Dr M

Najib rancang kembalikan sokongan terhadap parti, hampiri masyarakat

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui Datuk Seri Najib Razak sedang merancang pelbagai pendekatan untuk mengembalikan semula sokongan rakyat terhadap parti, sekali gus mendekatkan diri dengan masyarakat.

Malah, Dr Mahathir menyifatkan Presiden Umno sangat menyedari keperluan parti yang memerlukan perubahan besar bagi mendapatkan semula sokongan rakyat.

“Saya berpendapat, tekanan untuk mendekatkan diri dengan rakyat itu penting kerana kita dapati ramai pemimpin Umno mengasingkan diri daripada rakyat.

“Mereka berharap dengan cara menggunakan kuasa untuk mendapatkan sokongan rakyat, dan ia jelas sekali tidak berjaya,” katanya ketika mengulas ucapan dasar pertama Najib.

Ketika ditanya berhubung tempoh dua tahun yang ditetapkan Umno untuk melakukan perubahan, Dr Mahathir mengakui tempoh itu adalah singkat, tetapi beliau



PERWAKILAN mengangkat tangan tanda menyokong pindaan perlembagaan yang dibentangkan pada Perhimpunan Agung Umno 2009 di PWTC, semalam.

masih berkeyakinan perubahan boleh dilakukan.

“Masa itu memang pendek, tetapi saya fikir ia boleh dilakukan, jika mereka (Umno) turun ke bawah dan mengkaji kenapa rakyat tidak gembira.

“Saya berharap, kerajaan dan parti dapat melaksanakan apa yang dijanjikan ke-

rana bukan saja anggota parti, bahkan rakyat turut melihat perubahan,” katanya yang turut mengharapkan gejala politik wang dalam Umno dihapuskan, semata-mata untuk mendapatkan kedudukan.

Ditanya mengenai berhubung ungkapan yang digunakan Presiden Umno, me-

ngenai ‘perjuangan belum selesai’ yang pernah digunakan ketika menjadi Presiden dahulu, Dr Mahathir berkata:

“Dalam dunia politik, tiada perjuangan yang selesai. Politik ini tidak pernah selesai. Kalau masa saya tidak selesai, masa orang lain pun tidak selesailah,” katanya.

2 HARI LAGI



Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan

Majlis Pelancaran  
“1MALAYSIA BERSAMA  
RAKYAT NEGERI PERAK”

Oleh

YAB Perdana Menteri

Pada 18 Oktober 2009  
Jam 8.00 malam  
di Stadium Perak, Ipoh

PROGRAM 1MALAYSIA  
BERSAMA RAKYAT NEGERI PERAK

ESOK:

- 7pg-12 tgh: Sukan Rakyat di Padang Kompleks Belia dan Sukan Negeri
- 8pg-12 tgh: Sudut Melukis di Foyer Stadium Indera Mulia
- 8pg-12tgh: Pertandingan